



18 SEP, 2019

## Pengguna berhemah dapat manfaat

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

**Tarif elektrik ikut waktu penggunaan**

# Pengguna berhemah dapat manfaat

Cadangan cetus pro dan kontra, TNB diminta bersikap adil

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Cadangan penge- naan tarif mengikut waktu peng- gunaan bagi sektor domestik di- jangka memberi manfaat kepada kalangan pekerja pejabat, tetapi akan memberi kesan kepada yang bekerja syif, suri rumah dan war- ga emas yang banyak menggunakan elektrik pada waktu siang.

Bagaimanapun, kalangan persatu- tuan pengguna berpendirian orang ramai juga perlu memainkan per- ramani proaktif untuk mengambil langkah penggunaan tenaga secara berhemah dengan dengan memas- tik suis peralatan elektrik ditutup ketika tidak digunakan atau

apabila keluar rumah.  
Sehubungan itu, Gabungan Per- satuan Pengguna Malaysia (FOMCA) berpendapat cadangan kadar tarif berbeza mengikut waktu penggunaan mempunyai kelebihan dan keburuan tersendiri.

Timbalan Presiden, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata tarif lebih tinggi pada waktu puncak iaitu antara jam 12 tengah hari hingga 6 petang dilihat sebagai 'durian runtuh' kepada pengguna yang bekerja pada waktu pejabat.

"FOMCA berpendapat ada po- sitif dan negatifnya cadangan itu, namun ia lebih menjurus ke arah positif.

"Majoriti rakyat di negara ini bekerja pada waktu pejabat, ini sudah tentu akan membolehkan pengguna dikenakan caj elektrik pada kadar lebih rendah kerana mereka tidak berada di rumah ketika itu.

"Bagaimanapun, ada segelintir mengambil ringan perkara ini, ti- dak berada di rumah tidak ber- makna tidak guna elektrik kerana ada yang tidak tutup suis moden



**Tarif lebih tinggi pada waktu puncak iaitu antara jam 12 tengah hari hingga 6 petang dilihat sebagai 'durian runtuh' kepada pengguna yang bekerja pada waktu pejabat.**

**Mohd Yusof Abdul Rahman,**  
Timbalan Presiden FOMCA

internet dan televisyen sebelum keluar rumah masing-masing.

"Akhir sekali, pengguna yang memutuskan sama ada cadangan tarif berbeza mengikut waktu penggunaan akan memberi kesan positif atau negatif dan FOMCA yakin jika pengguna lebih cermat menggunakan elektrik, maka manfaatnya lebih menyeluruh," katanya pada BH, semalam.

Sementara itu, Timbalan Pre- sident Pertubuhan Mesra Penggu- na Malaysia (PMPM), Azlin Oth- man, berkata cadangan itu seolah-olah hanya menyasarkan kumpulan pekerja waktu pejabat dan dilihat tidak adil kepada golongan lain seperti suri rumah serta warga emas.

"Dalam hal ini, kita perlu fikir secara menyeluruh. Sebagai contoh, suri rumah dan warga emas sudah tentu akan menggunakan bekalan elektrik pada waktu pun- cak itu, malah mungkin lebih ba- nyak berbanding waktu lain.

"Dari jam 12 tengah hari hingga 6 petang, mereka akan masak untuk makan tengah hari, minum petang dan makan malam keluar-

ga selain cuci pakaian menggu- nakan mesin basuh.

"Kekalkan pembayaran caj se- cara purata tanpa mengikut wak- tu, cadangan itu hanya memberi kebaikan kepada sesetengah pi- hak, kita perlu bersifat adil dalam hal ini," katanya.

BH semalam melaporkan peng- guna elektrik bagi sektor domes- tik akan dikenakan tarif berbeza mengikut waktu penggunaan apa- bila Tenaga Nasional Berhad (TNB) dijangka memperkenalkan mekanisme harga berubah-ubah bermula suku pertama 2021.

Menerusi mekanisme itu, peng- gunaan elektrik pada waktu pun- cak iaitu 12 tengah hari hingga 6 petang akan dikenakan tarif lebih tinggi berbanding waktu luar punca. Kadar tarif asas kini adala- h 39.45 sen per kilowatt jam (kWh).

Caj elektrik kini dikira berdasar- kan jalar penggunaan iaitu 200kWh pertama, kadar tarif ialah 21.80 sen/kWh, bagi jalar 201-300kWh, kadarnya ialah 33.40 sen manakala bagi jalar 301-600kWh ialah pada 51.60 sen bagi setiap kWh.



18 SEP, 2019

## Pengguna berhemah dapat manfaat

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Tarif elektrik ikut waktu penggunaan

Cadangan cetus pro dan kontra, TNB diminta bersikap adil

Kuala Lumpur: Cadangan pengenaan tarif mengikut waktu penggunaan bagi sektor domestik dijangka memberi manfaat kepada kalangan pekerja pejabat, tetapi akan memberi kesan kepada yang bekerja syif, suri rumah dan warga emas yang banyak menggunakan elektrik pada waktu siang.